



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 2 FEBRUARI 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	TERENGGANU ANGKAT MARTABAT PERTANIAN, FIKRAH, HAKAKAH -F1 PEMBANGUNAN PERTANIAN TUNJUK IMPAK POSITIF, FOKUS, HAKAKAH -F2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4.	NELAYAN DIBENAR BERLINDUNG DI PULAU TAMAN LAUT, TIMUR, HAKAKAH -H19 PENGALAMAN INDAH KUTIP TIRAM SUNGAI MERCHANG, FOKUS, HAKAKAH -F3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	MARDI PACU PENGKOMERSIALAN TANAMAN BAWANG, NIAGA, KOSMO -37	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6. 7.	PADI TAK JADI, PETANI RUGI RATUSAN RIBU, DALAM NEGERI, UM -29 PADI FARMERS FACING BLEAK CNY DUE TO BLIGHT, NATIONAL, THE SUN -6	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9.	AGROBANK LANCAR KEMPEN MENANG ANGPAU, NIAGA, KOSMO -36 AGROBANK LANCAR KEMPEN HENG LOONG HUAT SEMPENA TAHUN BAHARU CINA, EKONOMI, UM -37	AGROBANK
10. 11.	ANGGUR TARIKAN BAHARU JERANTUT, NEGARA, KOSMO -18 DARI UDARA KE LADANG INTEGRASI, GAYA LELAKI, UM -24 & 25	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/2/2024	HARAKAH	FIKRAH	F1



Terengganu angkat martabat pertanian

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

KERAJAAN Terengganu melalui pelaksanaan perancangan yang diatur dalam Pelan Strategik Pertanian 2019-2023 yakin mampu mengangkat martabat sektor pertanian di negeri ini.

Ketiga-tiga sektor menjadi fokus utama sama ada pertanian, perikanan dan penternakan.

Pelan itu bukan hanya hebat di atas kertas, malah terbukti dari segi pelaksanaan apabila berjaya meningkatkan tahap ekonomi rakyat melalui tiga indikator, iaitu peningkatan pengeluaran, pendapatan rakyat serta penurunan harga produk di pasaran.

Usaha keras yang digembleng oleh Dr Azman Ibrahim sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, sepanjang tempoh sepenggal dilihat membuahkan hasil yang baik.



Pembangunan pertanian tunjuk impak positif

Oleh NOR HAZWANI NOH

SEJAK PAS diamanahkan untuk mentadbir Terengganu, pertanian adalah sektor pembangunan yang pesat berkembang sejajar dengan aspirasi kerajaan negeri untuk meningkatkan kemandirian dalam pengeluaran makanan.

Kerangka besar yang diletakkan dalam tempoh lima tahun Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023 disifatkan satu keputusan yang tepat.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, untuk sesi penggal baharu pihaknya hanya perlu meningkatkan skala sedia ada.

Menurutnya, pendaratan ikan sebagai contoh, menunjukkan peningkatan dan lebih membanggakan ialah peningkatan ketara pendaratan dari nelayan zon A, iaitu nelayan pesisir pantai (lima batu nautika ke bawah).

"Sebenarnya usaha kita meningkatkan sumber perikanan dengan program labuh tukun dan unjam ini untuk nelayan zon A, jadi menampakkan impak positif dengan apa yang kita usahakan. Ini juga menunjukkan kerajaan negeri meletakkan kerangka yang tepat untuk program memperkayakan sumber perikanan," katanya.

Pengeluaran Padi

Tahun lepas, katanya kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM6 juta, manakala Kerajaan Persekutuan sebanyak RM600,000 untuk pembangunan infrastruktur pertanian termasuk pembangunan sistem pengairan dan saliran.

Menurutnya, peruntukan lebih 10 kali ganda oleh kerajaan negeri berbanding pusat menampakkan keseriusan kerajaan negeri yang menyumbang peningkatan signifikan pengeluaran padi yang produktiviti bergantung kepada beberapa faktor



Dr Azman (dua dari kanan) bersama tukun tiruan.

seperti infrastruktur pengairan dan saliran serta kesuburan tanah.

"Ada tempat yang sebelum ini tidak ada penanaman padi seperti Skim Padi Paya Dadong, Paya Paman di Kemaman, kita bina sistem pengairan supaya boleh diusahakan sawah padi.

"Penanaman padi seluas 700 hektar di Baruh Batu Rakit, Kuala Nerus, sebelum ini hanya sekali setahun. Kita naikkan secara berperingkat kepada dua kali setahun. Kuncinya bina sistem pengairan. Jadi ini antara apa

yang kerajaan negeri buat dan nampak berjaya," ujarnya.

Lembu Sado

Kerajaan negeri turut melaksanakan projek

penternakan berimpak tinggi seperti Projek Pembangunan Hub Lembu Sado Berkelompok.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi melahirkan

hasrat untuk membangunkan lebih banyak rizab padang ragut bagi mengimbangi kenaikan harga dedak makanan ternakan kepada sumber makanan hijau.

Bantuan Bencana

Tabung Bantuan Bencana Pertanian yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri sejak 2018 terbukti berkesan untuk membantu rakyat. Bermula dengan peruntukan sebanyak RM1 juta dan kini dinaikkan kepada RM2 juta untuk pengusaha sektor pertanian, perternakan dan perikanan yang terdedah kepada bencana.

"Mereka terdedah terdedah dengan ribut, kemarau, serangan binatang buas, wabak penyakit, banjir, petir dan lain-lain. Kita boleh bantu dalam sekitar 10 peratus sahaja daripada nilai kerugian. Kalau kita ada peruntukan lebih, kita boleh bantu hingga 20 peratus," katanya.

Pelaburan asing

Kerajaan negeri berhasrat untuk menarik lebih ramai pelabur seperti projek mega tanaman lada hitam di Lembah Bidong melalui syarikat antarabangsa, McCormick Global Ingredients Malaysia Sdn Bhd.

"Kita sasarkan apabila beroperasi pada skala penuh hingga pembinaan kilang, projek itu boleh menjana sekitar lebih 2,000 peluang pekerjaan. Seterusnya, kita sasarkan berlaku pemindahan teknologi kerana bagi pelabur yang datang, biasanya kita akan kembangkan dengan skim 'outgrowers'.

"Skim 'outgrowers' bermaksud kita beri 600 hektar kepada syarikat McCormick contohnya, rakyat kita beri juga 50 hektar supaya mereka juga boleh tanam lada hitam lima ekar seorang," katanya.

Pada masa sama, katanya pemindahan teknologi dilakukan supaya rakyat mempelajari teknologi daripada syarikat berkenaan untuk diaplikasikan, selain ada jaminan belian hasil syarikat berkenaan mempunyai kilang.

“Tabung Bantuan Bencana Pertanian yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri sejak 2018 terbukti berkesan untuk membantu rakyat.**”**

INFO

JUMLAH PNDARATAN IKAN

2020	-	37,000 tan metrik
2021	-	30,000 tan metrik (penurunan kerana PKP)
2022	-	33,000 tan metrik
2023	-	46,000 tan metrik

KADAR KECUKUPAN SARA DIRI PADI

2018	-	43 peratus
2019	-	48 peratus
2020	-	53 peratus
2021	-	56 peratus
2022	-	Menurun akibat dua kali banjir
Sasaran	-	60 peratus



Nelayan dibenar berlingdung di pulau taman laut

KUALA TERENGGANU: Nelayan tempatan dibenarkan berlingdung di pulau taman laut ketika berdepan dengan kejadian ribut semasa menangkap ikan.

Anggota Exco Kerajaan Negeri Dr Azman Ibrahim berkata, tidak ada larangan nelayan berlingdung di kawasan terbabit ketika ribut.

"Memang pulau-pulau tempat berlingdung bot nelayan dan kadangkang jadi tempat ambil bekalan, Pulau Redang, Pulau Perhentian, Pulau Tenggol dan Pulau Lang Tengah merupakan tempat berlingdung bot nelayan.

"Kawasan pulau diwartakan sebagai taman laut dan tidak boleh aktiviti menangkap ikan," katanya pada program dialog bersama nelayan baru-baru ini.

Bagaimanapun menurutnya kawasan taman laut sentiasa dipantau Unit Taman Laut Jabatan Perikanan Malaysia.

Manakala pada majlis lain kata beliau terdapat lebih 740 bot nelayan Zon A sebelum ini digunakan untuk membawa penumpang bagi aktiviti perikanan rekreasi seperti memancing dan caudat sotong.

Katanya, ia merupakan pendapatan tambahan yang lumayan bagi nelayan.

"Cuma isunya sebelum ini hanya lima daripada lebih 740 bot yang mempunyai *certificate of competency* (COC) dikeluarkan Jabatan Laut Malaysia bagi membawa pelancong



Maritim menahan nelayan asing yang menceroboh perairan Terengganu.

rekreasi laut secara sah.

"Antara isu yang menghalang ialah premium insurans terlalu mahal sehingga mencecah RM5,000," katanya di sini.

Oleh itu Dr Azman berkata, kerajaan negeri mengambil langkah menyelesaikan dilema dengan kerjasama Exco Pelancongan, Jabatan Laut, Jabatan Pelancongan, Maritim Malaysia serta pihak Insurans Perlindungan dan Indemniti Malaysia.

Menurutnya premium insurans akhirnya dikurangkan daripada RM5,000 kepada RM850.

Beliau juga berkata, pada tahun 2023 Jabatan Perikanan Terengganu menahar 47 bot yang menceroboh perairan Terengganu.

Kata beliau 46 merupakan bot kuning manakala sebuah ialah bot nelayan asing Vietnam.

"Kebanyakan tangkapan bot nelayan asing Vietnam dilakukan Maritim Malaysia," ujarnya.

Kata beliau juga beza bot nelayan setiap negeri boleh dikenali melalui warna tanda bot atau dipanggil rumah kemudi.



Rohani Muda menunjukkan tiram yang diusahakannya.

Pengalaman indah kutip tiram Sungai Merchang

Oleh NOR HAZWANI NOH

TIRAM, antara makanan laut yang sering menjadi menu mewah disajikan di hotel dan restoran lima bintang.

Namun, bagi pengusaha tiram di Sungai Merchang, Rohani Muda, 52, sasarannya ialah makanan laut itu bukan hanya untuk golongan atasan, tetapi orang biasa.

"Hasrat Kak Ani bukan orang senang sahaja dapat makan. Sesetengah orang ingat tiram makanan di tempat mewah macam hotel," katanya.

Tiram atau nama saintifiknya *Crassostrea (Magallana) iredalei* yang diusahakan di Sungai Merchang kini menjadi sumber pendapatannya.

"Tiram diusahakan dengan meletakkan benih



Pemandangan Indah Sungai Merchang.

memeriksa kualiti air dan tiram tiga bulan sekali. Jika ada masalah, kita akan berhenti operasi tiram buat seketika. Penternak di sini mengikut prosedur ditetapkan untuk menjaga kualiti tiram," katanya.

Sebagai generasi kedua penternak tiram, Rohani berkata, bantuan Jabatan Perikanan amat membantunya untuk meningkatkan pengeluaran tiram.

"Ketika arwah orang tua Kak Ani dulu, mereka menggunakan selong yang dibuat dari plastik berlubang tetapi menimbulkan sedikit masalah kerana mengambil masa apabila tiram melekat dengan banyak, selain kena turun ke dasar sungai untuk mengambilnya.

"Selepas Jabatan Perikanan beri bantuan seperti sangkar, bakul dan tali, ini memudahkan kita membuat pembenihan sekali gus mendapat hasil yang banyak. Kita juga boleh beroperasi pada musim tengkujuh kerana biasanya pada hujung tahun, kita tak boleh cari tiram sebab air dalam," katanya.

Menurut Rohani, ramai pengunjung datang ke Merchang bukan sahaja untuk membeli tiram, bahkan merasai sendiri pengalaman menyelam dan mengutip tiram di sungai itu.

"Biasanya ada orang nak tengok sendiri bagaimana tiram dalam air. Tiram yang berada dalam air akan terbuka. Malah, apabila menyelam nak ambil tiram, perasaan seperti

“ Selepas Jabatan Perikanan beri bantuan seperti sangkar, bakul dan tali, ini memudahkan kita membuat pembenihan sekali gus mendapat hasil yang banyak.

pada tali dan sangkar yang menyebabkan rasanya lebih lembut dan sedap berbanding tiram yang melekat di batu," katanya.

Rohani bersama 11 keluarga lain yang mengusahakan penternakan makanan laut itu juga sangat mengutamakan kualiti tiram.

"Air memainkan peranan penting. Di tempat ini, Jabatan Perikanan datang

duduk dalam dunia lain. Kalau orang tengah stress (tekanan) kerja, datanglah ke sini," ujarnya.

Malah, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim ketika melawat Sungai Merchang menyifatkan ekosistem kawasan itu sangat unik.

MARDI pacu pengkomersialan tanaman bawang

PETALING JAYA – Insititut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) kini giat mengedarkan benih asas bawang merah berskala besar kepada petani yang dilantik untuk keperluan penanaman bawang segar tempatan.

Pegawai Penyelidik Kanan MARDI, Wan Rozita Wan Engah berkata, usahawan yang dipilih akan diberi bimbingan teknikal melalui kursus dan latihan, selain dibekalkan dengan benih bawang secara percuma untuk musim pertama pengeluaran.

"Petani yang diberikan benih ini akan terus dibantu melalui pemantauan secara berkala

yang kita lakukan untuk melihat kemajuan penanaman bawang yang memerlukan 65 sehingga 75 hari semusim.

"Pada lawatan pertama, kita akan memantau tentang kaedah penanaman dan siraman yang betul, sebelum kita datang buat kali kedua dalam beberapa minggu seterusnya untuk melihat prestasi pokok serta bagaimana ia dapat mengatasi serangan serangga dan penyakit.

"Selepas itu, kita akan membuat pemantauan akhir penanaman dan melihat proses penuaian untuk memastikan bawang yang dihasilkan mempunyai kualiti yang tinggi dan setara

dengan bawang yang berada di pasaran," katanya dalam satu kenyataan.

Sebagai fasa permulaan pelaksanaan pengkomersialan pengeluaran bawang merah, Wan Rozita berkata, tahun ini MARDI menyasarkan pengagihan benih bawang kepada lima petani di seluruh negara bagi menghasilkan pengeluaran 30 metrik tan semusim untuk keluasan penanaman lima hektar.

"Aktiviti pengkomersialan akan ditingkatkan sebanyak 10 hektar setiap tahun berikutnya dengan pemantauan dan khidmat nasihat oleh pakar MARDI secara berterusan," ujarnya.



BAWANG

dilihat

memiliki daya maju komersial dan permintaan tinggi di pasaran.

2/2/2024

UTUSAN

DALAM

29

MALAYSIA

NEGERI

Persiapan sambutan Tahun Baharu Cina hambar

Padi tak jadi, petani rugi ratusan ribu

Oleh NUR SYAZWANA MANSOR
utusannews@mediamula.com.my

YAN: Persiapan sambutan Tahun Baharu Cina bagi sebilangan petani kaum Cina di daerah ini terasa hambar apabila mereka mengalami kerugian mencecah ratusan ribu ringgit ekoran tanaman padi diserang penyakit pada musim tuaian kali ini.

Seorang petani, Chai Min Hooi, 40, berkata, dia mengusahakan sawah padi seluas enam hektar dan penyakit padi tersebut dikesan kira-kira sebulan yang lalu ketika usia padi mencapai 85 hari.

"Sepatutnya butir padi sudah berisi pada usia 85 hari namun kini sudah sampai hari ke-100 namun butir padi masih tidak berisi dan kami sepatutnya sudah boleh tuai hasil dalam tempoh seminggu dua lagi.

"Kebiasanya pendapatan saya boleh mencapai sehingga RM50,000 semusim namun pada musim ini pendapatan saya dijangka menyusut sehingga 50 peratus pada musim ini," katanya ketika ditemui di Ta-

pasti segera supaya tidak berulang lagi pada musim akan datang," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Jawatankuasa (AJK), Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Mohd. Rosdi Yahaya berkata, keluasan sawah padi yang terlibat adalah kira-kira 30 hektar membabitkan kawasan sawah di Kampung Padang Makau, Dulang Kecil, di sini.

Beliau berkata, setakat ini petani masih belum mengesan jenis dan punca penyakit tersebut namun penyakit itu menyebabkan butir padi menjadi hampa atau tidak berisi sebelum kulitnya menjadi buruk dan rosak.

"Ini menyebabkan hasil tuaian padi pada musim ini berkurang kira-kira lebih 50 peratus dan merupakan kejatuhan hasil yang paling teruk yang pernah dialami pesawah di kawasan ini.

"Situasi ini menyebabkan pesawah tertekan kerana terpaksa menanggung kerugian yang tinggi terutamanya ketika mereka bakal menyambut perayaan Tahun Baharu Cina tidak lama lagi," katanya.



PETANI di Kampung Padang Makau, Dulang Kecil menunjukkan padi mereka yang tidak menjadi pada musim kali ini di Yan, Kedah.

man Yan, di sini semalam.

Seorang lagi petani, Law Ah Hoo, 72, berkata, dia mengusahakan tanaman padi seluas tiga hektar sejak 57 tahun lalu.

Katanya, ini kali pertama tanaman padinya diserang penyakit dalam skala yang besar

berbanding sebelum ini.

"Selalunya kalau kena penyakit hanya dalam 10 peratus sahaja yang rosak tapi kali ini hampir 60 peratus daripada tanaman padi saya tidak ada hasil," katanya.

Sementara itu, Peng Poh Keat,

50, berkata, dia berharap masalah itu akan mendapat perhatian daripada pihak yang terlibat supaya nasib pesawah terbelak.

"Musim kedua penanaman padi akan bermula pada April ini, jadi saya harap punca ke- pada masalah ini dapat dikenal

Padi farmers facing bleak CNY due to blight

YAN: About 20 padi farmers from the Chinese community in Kampung Dulang Tengah here claim to have suffered losses of nearly RM200,000 after their crops were damaged by a mysterious disease.

Enthusiasm for the upcoming Chinese New Year has now become gloomy for the farmers, who are burdened by the unexpected challenges posed by the disease.

Har Khai Hong, 60, said the issue involves around 30ha of padi fields and the cause of the disease remains unidentified despite monitoring by the Muda Agricultural Development Authority (Mada) for the past month.

"I don't know what disease this is, which has affected my crops covering 1.2ha. The same thing is happening at my 18ha site near Semeling in Merbok," he said, adding that the blight results in black grains with empty husks.

"I didn't change the seeds or used a different type of pesticide or fertiliser

but the crops are not growing. It is going to be difficult for us this Chinese New Year."

Peng Poh Keat, 50, who has been cultivating padi for over 30 years, said the disease was detected a month ago when most of the crop at his 6ha field showed decreased stalks.

"It's disheartening, especially with the Chinese New Year approaching. We depend on the income from our rice harvest for the festive season. But given the current situation, our celebration will have to be more modest as we need to think about the expenses for land rent and the costs associated with replanting in April.

Chai Ah Sim, 81, who usually harvests approximately 50 tonnes from his 7ha field, is now facing a significant setback. He is expecting to obtain less than 10 tonnes this time.

He said despite fulfilling all the necessary requirements for the crop, more than 60% of his plants have been adversely affected.



Some of the affected farmers showing stalks of their diseased crop. — BERNAMAPIC

"I believe the weather could be a contributing factor, especially with the current intense heat. I hope the relevant authorities can investigate and identify this disease while working towards a solution," he said, while expressing hope for assistance or incentives from the government to ease the burden on farmers.

Meanwhile, Malaysian Padi Farmers Brotherhood Organisation committee member Rosdi Yahaya said the problem has been referred to Mada for further action.

"The disease was identified a month ago, manifesting in padi plants that grow without producing any grains, leading to empty husks.

"I strongly recommend this issue be brought to the attention of the Malaysian Agricultural Research and Development Institute for thorough research to ascertain the cause of this disease," he said, adding that if left unaddressed, the issue could escalate and pose a threat to food security.

— Bernama

Agrobank lancar kempen menang angpau

PETALING JAYA – Agrobank semalam melancarkan Kempen Heng Loong Huat - Menang Ang Pao RM388 bersempena sambutan Tahun Baharu Cina, selaras dengan tahun naga dalam kalendar Cina yang membawa maksud kemakmuran, kekayaan dan juga tuah.

Kempen khusus buat pelanggan baharu dan yang sedia ada Agrobank itu bertujuan menggalakkan mereka membuat pembayaran bebas tunai melalui penggunaan Agro Debit-i serta memupuk amalan menyimpan dan berhemah melalui AgroPrimaS.

Menurut Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, sebanyak 50 orang pelanggan Agrobank bertuah bakal membawa pulang angpau dengan hanya transaksi minimum sebanyak RM10 atau simpanan minimum sebanyak RM500.

“Adalah menjadi fokus kami untuk memberi kesedaran akan kemakmuran dalam kewangan bagi menjamin masa depan yang lebih baik,” katanya



TENGGU AHMAD BADLI SHAH

dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Bagi merencakkan lagi kempen berkenaan, pemenang bertuah juga berpeluang untuk memenangi cabutan bulanan bulan Februari menerusi Kempen Mega Million yang telah dilancarkan pada suku akhir tahun lepas.

Hadiah ditawarkan berupa kereta BYD Dolphin, Proton X50 atau Perodua Myvi dan hadiah utama sebuah kereta Tesla.

Agrobank lancar kempen Heng Loong Huat sempena Tahun Baharu Cina

PETALING JAYA: Agrobank melancarkan Kempen Heng Loong Huat - Menang Ang Pao RM888 bersempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina.

Kempen itu adalah selaras dengan tahun naga dalam kalendar Cina membawa maksud kemakmuran, kekayaan dan 'tuah' khusus untuk pelanggan sedia ada dan pelanggan baru.

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kempen Heng Loong Huat bertujuan menggalakkan pelanggan setia membuat pembayaran bebas tunai melalui penggunaan Agro Debit-i dan memupuk amalan menyimpan dan berhemah melalui AgroPri-maS.

Menurut beliau, sebanyak 50 orang pelanggan bertuah bakal membawa pulang Ang Pao dengan hanya transaksi minimum sebanyak RM10 atau simpanan minimum sebanyak RM500.

Jelas Tengku Ahmad, pelanggan dengan kumpulan mata penyertaan tertinggi akan diketahui menerusi cabutan bertuah di akhir tempoh kempen itu nanti.

"Adalah menjadi fokus kami untuk memberi kesedaran akan kemakmuran dalam kewangan bagi menjamin masa depan yang lebih baik," katanya.



Hadiah tersebut berupa kereta BYD Dolphin, Proton X50 atau Perodua Myvi dan hadiah utama sebuah kereta mewah Tesla menerusi Kempen Mega Million yang telah dilancarkan pada suku akhir tahun lepas."

Dalam pada itu, beliau berkata, pemenang bertuah kempen Heng Loong Huat - Menang Ang Pao RM888 juga turut berpeluang untuk memenangi cabutan bulanan bulan Februari.

"Hadiah tersebut berupa kereta BYD Dolphin, Proton X50 atau Perodua Myvi dan hadiah utama sebuah kereta mewah Tesla menerusi Kempen Mega Million yang telah dilancarkan pada suku akhir tahun lepas," katanya.

AGRO BANK

HENG LOONG HUAT KEMPEN MENANG ANG PAO RM888

SIMPAN, BELANJA DAN MENANG!

- Simpan minimum RM500.00 dalam AgroPri-imaS atau
- Belanja minimum RM10.00 dengan Agro Debit-i Card-i

Tempoh Kempen
1 Februari - 29 Februari 2024

www.agrobank.com.my

Anggur tarikan baharu Jerantut

JERANTUT – Seorang lelaki membukakan tanaman anggur boleh hidup dan berbuah lebat dengan iklim Malaysia.

Syed Norhaimi Syed Zin, 60, dari Taman Perumahan Batu Embun di sini menanam 20 jenis anggur dari pelbagai negara di Pusat Pertanian Temin (PPT) sejak April tahun lalu.

Katanya, pokok anggur yang ditanamnya sudah dua kali berbuah dengan menghasilkan rasa yang manis.

"Antara jenis anggur yang saya tanam ialah helliodor, jubilee, velez, dixon, rumba, babilonur, jupiter, lorano, beauty krasorka dan krasava.

"Terdapat tiga rumah perlindungan hujan yang menempatkan 22 hingga 32 pokok yang hidup subur," katanya di sini semalam.

Bercerita lanjut, dia membetahu, mula meminati tanaman anggur ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2021 kerana tidak boleh

bergerak ke mana-mana

"Untuk menghiangkan jemu, saya banyak layari Facebook dan teruja ada orang boleh menanam anggur di negara ini. Justeru, saya mengikuti kursus secara bersemuka dan secara dalam talian bagi meningkatkan ilmu.

"Kemudian saya membuat pesanan beberapa jenis benih dengan harga RM300-RM400 sepokok dan menanam dalam pasu di tepi rumah," katanya.

Tambah beliau, anggur jenis jupiter paling sesuai di tanam di kawasan rumah kerana selain mudah berbuah lebat, ia juga manis dan beraroma.

Sementara itu, Syed Norhaimi berkata, produk anggur berpotensi menjadi tanaman menarik pelancong domestik kerana produktif sepanjang tahun.

"Anggur yang ditanam boleh mengeluarkan hasil dalam masa enam bulan,"ujarnya.



SYED NORHAIMI bersama anaknya Sharifah Irdina, 21, menunjukkan buah anggur yang ditanamnya di Pusat Pertanian Temin, Jerantut semalam.

Dari udara ke la



MUHAMMAD FARID DAUD

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL
di Kuala Lumpur

MENCIKBUKI bidang pertanian bukan sekadar mencari rezeki, tetapi juga menjadi pilihan anak muda ketika ini meskipun ia berpotensi memberikan pendapatan lumayan. Mereka pula dengan anak muda ini.

Bekas Menteri Uddan Diraja Malaysia (TUJDM) ini, beralih arah daripada kerjaya lama dengan menerajui dan membangunkan ladang integrasi di Labu Hill, Nilai, Seremban.

Mereka sanggup menyusur cabutan dan senanti ke arah ladang. Mereka juga yang mampu menjadi contoh kepada pelajar baharu untuk menebuni bidang pertanian moden demi meneruskan legasi generasi terdahulu.

M. (48) Moid, Farid Daud, TUJDM (B), 37 yang meneruskan



PENGUNAAN teknologi baharu seperti drone meningkatkan kualiti hasil tanaman.

bekas jututera menerajui bidang berkenaan bersama ibungannya, Moid, Affinity 43-44, yang menerajui perolehan yang merupakan bekas jututera, Kapten (B) Ahmad Hazzi Mat Hassan TUJDM. Beliau bergiat sebagai tenggek untuk Program Legacy Sdn. Bhd. (P) Syarikat berkenaan bertanganjilawab

idang integrasi

Sejak mengusahakan ladang integrasi ini pada 2022, ia mampu mengeluarkan hasil maksimum dianggarkan mencecah 200 tan setahun."

menyusunkan ladang integrasi yang menggabungkan tanaman dan ternakan seperti pisang, ayam, ikan dan kambing. "Saya pernah bekerja di sebuah ladang integrasi moden, dan ikan keli dengan pelaburan awal hampir RM100,000 di atas tanah sebesar 807 hektar terditr dari pada 2017. Saya berminat di sekitar Mula, Semenanjung."

Menurut Mohd. Farid, sebelum bergelar usahawan tani, beliau berkhidmat



MOHD. FARID DAUD (tengah) menunjukkan kecekapan drone bagi tujuan semburan racun tanaman pokok pisang ketika ditemud di ladang yang diluaskannya di Labu Hill, Seremban baru-baru ini. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Cari pelabur berminat

kehadiran teknologi baharu dalam sektor pertanian diusahakan oleh Mohd. Farid Daud dan Mohd. Shaheban Maamin dalam meningkatkan kualiti tanaman dan jumlah pengeluaran bagi memenuhi keperluan rakyat dan perniagaan. "Saya berminat dengan peluang berbisnis dengan menggunakan drone untuk mempromosikan projek pertanian berskala besar yang berpotensi menghasilkan keuntungan yang tinggi. Saya berminat dengan projek pertanian berskala besar yang berpotensi menghasilkan keuntungan yang tinggi. Saya berminat dengan projek pertanian berskala besar yang berpotensi menghasilkan keuntungan yang tinggi."

"Untuk itu, daripada segi peniagaan tanaman, perlu diperhatikan aspek-aspek yang berkaitan dengan kualiti tanaman dan jumlah pengeluaran bagi memenuhi keperluan rakyat dan perniagaan. "Saya berminat dengan peluang berbisnis dengan menggunakan drone untuk mempromosikan projek pertanian berskala besar yang berpotensi menghasilkan keuntungan yang tinggi. Saya berminat dengan projek pertanian berskala besar yang berpotensi menghasilkan keuntungan yang tinggi."

MOHD. FARID, lulusan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pertanian dari Universiti Pertanian Nasional Malaysia (UPNM) berkahla, ketika ini, berminat dengan projek pertanian berskala besar yang berpotensi menghasilkan keuntungan yang tinggi. "Saya berminat dengan projek pertanian berskala besar yang berpotensi menghasilkan keuntungan yang tinggi. Saya berminat dengan projek pertanian berskala besar yang berpotensi menghasilkan keuntungan yang tinggi."



SECUMBUHAN anak muda yang mengusahakan ladang integrasi di Labu Hill, Mula, Seremban.